



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN SOSIAL DAN KEBERKESANAN
PROGRAM PEMULIHAN DADAH DALAM KALANGAN PENAGIHAN RELAPS**

FAUZIAH IBRAHIM

IPSS 2008 1



**PENGARUH FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN SOSIAL DAN
KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN DADAH DALAM
KALANGAN PENAGIHAN RELAPS**

FAUZIAH IBRAHIM

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2008



**PENGARUH FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN SOSIAL DAN
KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN DADAH DALAM KALANGAN
PENAGIHAN RELAPS**

FAUZIAH IBRAHIM

**Tesis ini di Kemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2008



Abstrak Tesis Yang Di Kemukakan Kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH FAKTOR INDIVIDU, PERSEKITARAN SOSIAL DAN
KEBERKESANAN PROGRAM PEMULIHAN DADAH DALAM KALANGA
PENAGIHAN RELAPS**

Oleh

FAUZIAH IBRAHIM

Mei 2008

Pengerusi : Profesor Madya Dr. Bahaman Abu Samah

Fakulti : Institut Pengajian Sains Sosial

Laporan oleh Agensi Dadah Kebangsaan mendedahkan bahawa sejumlah 32,808 penagih; 15,389 penagih baru dan 17,419 lagi penagih relaps berdaftar dengan agensi rasmi diseluruh negara pada tahun 2005. Di dalam negara yang penduduknya melebihi 26 juta, angka itu dianggap menggerunkan, bermakna hampir 3,000 penagih dikesan setiap bulan. Angka yang menggerunkan ini, terutama dikalangan penagih relaps membawa kepada persoalan apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah itu.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh tiga faktor utama, iaitu faktor-faktor individu, persekitaran sosial dan keberkesanan program pemulihan dadah terhadap kecenderungan penagihan relaps. Soal-selidik yang dikendali sendiri digunakan untuk mendapatkan data. Sampel kajian ini terdiri daripada



400 orang penagih dadah relaps yang dipilih melalui persampelan rawak berstrata dan persampelan sistematik dari lapan Pusat Pemulihan Dadah Serenti diseluruh Semenanjung Malaysia. Alat pengujian dibentuk sendiri serta diubahsuai daripada pelbagai sumber. Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan pelbagai kaedah pengujian data termasuk ujian deskriptif, kolerasi pearson dan analisis regresi pelbagai (*stepwise*).

Hasil kajian menunjukkan tahap kecenderungan penagihan relaps berada pada tahap sederhana ke tahap yang tinggi iaitu mencatatkan 93.6%. Analisis menunjukkan bahawa penagih relaps mempunyai ciri-ciri emosi negatif, tekanan sosial dan konflik interpersonal serta mempunyai kecenderungan tinggi untuk kembali menagih selepas dibebaskan dari program pemulihan dadah. Kajian juga menunjukkan sebahagian besar daripada responden yang dikaji mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah. Sokongan daripada majikan masing-masing dan juga masyarakat sekeliling didapati tidak menggalakkan. Kajian ini mendapati bahawa faktor individu (keyakinan diri, $r=-.790$, $p<.05$) dan faktor persekitaran sosial (sokongan keluarga, $r=-.207$, $p<.05$, sokongan majikan $r=-.193$, $p<.05$ dan sokongan masyarakat sekeliling $r=-.315$, $p<.05$) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kecenderungan penagihan relaps. Kajian juga mendapati tiga variabel peramal iaitu keyakinan diri (Beta=.743), sokongan dari masyarakat sekeliling (Beta=.155) dan sokongan keluarga (Beta=.086) dengan jumlah 65.3% sebagai faktor yang paling berpengaruh terhadap kecenderungan penagihan relaps. Cadangan kajian

masa hadapan dibuat khasnya memperakukan supaya kajian serupa diulang kepada responden yang lebih meluas serta menggunakan data kualitatif. Kajian pengesahan berdasarkan kepada kajian ini juga difikirkan berfaedah.



Abstract of the thesis presented to the Senate of the Universiti Putra Malaysia
in fulfillment of the requirements for the award of the degree of
Doctor of Philosophy

**THE INFLUENCE OF INDIVIDUAL, SOCIAL ENVIRONMENTAL AND THE
EFFECTIVENESS OF REHABILITATION PROGRAM ON RELAPSE OF
DRUG ADDICTION**

By

FAUZIAH IBRAHIM

Mei 2008

Chairman : Profesor Madya Dr. Bahaman Abu Samah

Faculty : Institut Pengajian Sains Sosial

A report by National Drug Agency has revealed that a total of existing 32,808 addicts, 15,389 new addicts and another 17,419 relapsed addicts were registered with official agencies nationwide in 2005. In a country of just over 27 million, the figure is appalling. It means that almost 3,000 addicts are registered every month. This alarming figure, especially among relapsed addicts has brought into questions on factors contributing to the problem.

This study was conducted to examine the influence of three main factors, which are individual, social environmental and rehabilitation program effectiveness on the incidence of drug addict on relapse. Self-administered questionnaires were used to gather data. The sample consisted of 400 drug addict on relapse cases which were selected through the method stratified random sampling and



systematic random sampling from eight Rehabilitation Centers throughout Peninsular Malaysia. Research Instruments were developed and adopted from various sources. The quantitative data were analyzed using various statistical data analysis methods; descriptive tests, Pearson correlation and multiple regression analysis (stepwise).

The findings indicated that 93.6% of relapsed addicts surveyed have a medium and high degree potential of becoming relapse again. The analysis shows that relapsed addicts have the characteristics of having negative emotion, suffering social pressure and interpersonal conflict which puts them in a suffer high risk situation to relapse once freed from the rehabilitation program. The study also revealed that the great majority of the respondents surveyed had low self-confidence. The support from their respective employers and society was found not encouraging. The study discovered that individual factors (self-confidence $r=-.790$, $p<.05$) and social environmental factor (family support, $r=-.207$, $p<.05$, employer support $r=-.193$, $p<.05$ and society support ($r=-.315$, $p<.05$) bore significant relationship with drug addict on relapse. The study also identified three predictive variables: self-confidence (Beta=.743), support from society (Beta=.155) and family support (Beta=.086) with the total of 65.3% as the most influencing factors contributed to drug addict on relapse. Future research suggestions are made, in particular advocating the replication of this study to a wider population and to use more qualitative data. Also, confirmatory studies with regards to the findings would be beneficial.



PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Pertama kali saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menyempurnakan disertasi ini sebagai memenuhi keperluan untuk menamatkan pengajian Ph.D dalam bidang Pendidikan & Pembangunan Komuniti. Ramai telah menghulurkan bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak kepada kejayaan penyelidikan ini.

Terima kasih yang tak terhingga kepada Profesor Madya. Dr. Bahaman Abu Samah selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Tesis dan ahli-ahli yang lain iaitu Prof. Madya Dr Mohamad Shatar Sabran dan Dr Mansor Abu Talib yang telah bertungkus lumus membantu dan memberikan panduan yang tidak berbelah bagi dalam menyempurnakan disertasi ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada anda sudah pasti disertasi ini tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Penghargaan juga diberikan kepada Encik Azmi Ismail yang turut sama membantu menjayakan kajian ini, pegawai-pegawai di Unit Rawatan dan Pemulihan Dadah, Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), para Komandan dan Kaunselor-kaunselor dadah yang ditempatkan di Pusat Serenti Tampoi, Johor, Pusat Serenti Tampin, Melaka, Pusat Serenti Jelebu, Negeri Sembilan, Pusat Serenti Rawang, Selangor, Pusat Serenti Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Pusat Serenti Perlop, Perak, Pusat Serenti Besut, Terengganu, Pusat Serenti Raub, Pahang dan Pusat Serenti Sungai Besi, Kuala Lumpur, terima kasih atas bantuan dan kerjasama yang dihulurkan. Juga terima kasih yang tidak terhingga kepada semua responden kajian, pelatih-pelatih di Pusat Serenti, doa saya agar saudara semua pulih dari gejala penagihan relaps dan terus hidup bebas tanpa dadah.



Kepada ayahanda Haji Ibrahim bin Ahmad dan bonda, Hajah Romsah bte Haji Saman, abang, kakak, adik-adik serta ahli keluarga lain yang tidak pernah jemu mendoakan kejayaan dan memberikan semangat dan dorongan untuk terus belajar ke tahap yang tertinggi ini, terima kasih diucapkan. Semoga penantian anda semua selama pengajian ini dijalankan membuahkan hasil yang berguna. InsyaAllah.

Untuk yang teristimewa, suami tercinta Raduan Haji Che Rose, terima kasih di atas segala bimbingan, kesabaran, sokongan dan dorongan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Segala kasih sayang dan pengorbanan yang ditunjukkan telah menyuntik semangat juang yang kental dalam diri ini untuk terus berusaha menamatkan penyelidikan sehingga berjaya. Terima kasih *darling*. Sesungguhnya kejayaan yang dinanti-nantikan ini amat memberi seribu makna buat kita bersama.



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 21 Mei 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Fauziah binti Ibrahim untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “Pengaruh Faktor-Faktor Individu, Persekitaran Sosial Dan Keberkesanan Program Pemulihan Dadah Dalam Kalangan Penagih Relaps” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Nobaya Ahmad, PhD

Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Jamilah Othman, PhD

Ketua Laboratori/Pensyarah
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ma’arof Redzuan, PhD

Ketua Jabatan/Pensyarah
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Datin Azizan Baharuddin, PhD

Profesor
Fakulti Sains
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 September 2008



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Institut Pengajian Sains Sosial
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mansor Abu Talib, PhD

Fakulti Ekologi dan Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohamad Shatar Sabran, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi dan Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDRIS, Ph.D

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Ogos 2008



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

FAUZIAH IBRAHIM
GS 15347

Tarikh : 21 Mei 2008



KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
KELULUSAN	xi
PERAKUAN	xvii
SENARAI JADUAL	xix
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB

I	PENGENALAN	1
	1.1 Latarbelakang Kajian	1
	1.2 Pernyataan Masalah	8
	1.3 Objektif Kajian	12
	1.4 Hipotesis Kajian	13
	1.5 Kepentingan Kajian	15
	1.6 Batasan Kajian	19
	1.7 Definisi Operasi	20
	1.8 Ringkasan	23
2	SOROTAN LITERATUR	24
	2.1 Pengenalan	24
	2.2 Dasar Dadah Negara Malaysia	22
	2.3 Isu dan Cabaran Pemulihan Penagih Dadah	26
	2.4 Kaedah Rawatan dan Pemulihan Dadah	28
	2.4.1 Pemulihan Dalam Institusi	29
	2.4.2 Pemulihan Dalam Komuniti	31
	2.5 Konsep Penagihan Relaps	33
	2.6 Ciri-Ciri Penagihan Relaps	35
	2.7 Individu Berisiko Tinggi Kembali Relaps	36
	2.8 Faktor Membawa Kepada Kecenderungan Penagihan Relaps	41
	2.8.1 Persekitaran - Masyarakat	44
	2.8.2 Psikologi	46
	2.8.3 Perhubungan Keluarga	47



2.8.4	Perhubungan Rakan	52
2.8.5	Pekerjaan dan Majikan	53
2.8.6	Program Rawatan Pemulihan Dadah	55
2.8.7	Keyakinan Diri	57
2.8.8	Sikap Terhadap Penyalahgunaan Dadah	58
2.8.9	Faktor-Faktor Lain Yang Berkaitan	59
2.9	Model Tingkah Laku Kognitif – Marlatt & Gordon (1985)	66
2.10	Strategi Mengurangkan Relaps & Mengekalkan Gaya Hidup Bebas Dadah	68
2.11	Model Pencegahan Relaps oleh Gorski	70
2.12	Peranan Masyarakat Dalam Pencegahan Penagihan Relaps	73
2.13	Peranan Keluarga Dalam Pencegahan Penagihan Relaps	75
2.14	Bagaimana Prinsip-Prinsip Pembangunan Komuniti Boleh Membantu Menyelesaikan Masalah Penagihan Dadah di Kalangan Masyarakat	78
2.15	Kerangka Teoritikal	90
2.16	Teori Berkaitan Penagihan Dadah	91
2.16.1	Teori Pelabelan	91
2.16.2	Teori Keyakinan Diri	95
2.17	Hubungan Teori Dengan Kerangka Kajian	98
2.18	Ringkasan	100
3	METODOLOGI KAJIAN	102
3.1	Pengenalan	102
3.2	Rekabentuk Kajian	103
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	103
3.4	Pengoperasian Variabel	106
3.4.1	Kecenderungan Penagihan Relaps	106
3.4.2	Faktor-Faktor Individu	108
3.4.3	Faktor-Faktor Persekitaran Sosial	109
3.4.4	Keberkesanan Program Pemulihan Dadah	111
3.5	Instrumen Kajian	113
3.6	Lokasi Kajian	118
3.7	Populasi dan Sampel Kajian	120
3.8	Penentuan Saiz Sampel	121
3.9	Prosedur Persampelan	122
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	126
3.11	Kesahan Instrumen	127
3.12	Kajian Rintis (<i>Pilot Study</i>)	130

3.13	Kaedah Pengumpulan Data	132
3.14	Proses Pengumpulan Data	133
3.15	Analisis Data	137
3.15.1	Analisis Deskriptif	137
3.15.2	Analisis Korelasi Pearson	138
3.15.3	Regresi Pelbagai	139
3.16	Ringkasan	140
4	HASIL KAJIAN	142
4.1	Pengenalan	142
4.2	Profil Demografi Responden	143
4.3	Pengalaman Penagihan & Penggunaan Dadah	147
4.4	Faktor-Faktor Individu	153
4.4.1	Sikap Terhadap Penyalahgunaan Dadah	153
4.4.2	Keyakinan Diri	154
4.5	Faktor-Faktor Persekitaran Sosial	155
4.5.1	Sokongan Rakan	155
4.5.2	Sokongan Keluarga	157
4.5.3	Sokongan Masyarakat Sekeliling	157
4.5.4	Sokongan Majikan	158
4.6	Keberkesanan Program Pemulihan Dadah	159
4.6.1	Program Fasa 1	161
4.6.2	Program Fasa 2	161
4.6.3	Program Fasa 3	162
4.6.4	Program Fasa 4	162
4.7	Tahap Kecenderungan Penagihan Relaps	163
4.7.1	Emosi Negatif	164
4.7.2	Tekanan Sosial	165
4.7.3	Konflik Interpersonal	165
4.7.4	Tahap Keseluruhan Penagihan Relaps	166
4.8	Perkaitan Faktor-Faktor Individu, Persekitaran Sosial & Keberkesanan Program Pemulihan Dadah Terhadap Kecenderungan Penagihan Relaps	167
4.8.1	Perkaitan Antara Faktor Individu Dengan Kecenderungan Penagihan Relaps	168
4.8.2	Perkaitan Antara Faktor Persekitaran Sosial Dengan Kecenderungan Penagihan Relaps	170
4.8.3	Perkaitan Antara Keberkesanan Program Pemulihan Dadah Dengan Kecenderungan Penagihan Relaps	172

4.9	Ringkasan Hasil Pengujian Hipotesis	173
4.10	Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Kecenderungan Penagihan Relaps	175
4.11	Ringkasan	178
5	PERBINCANGAN HASIL KAJIAN	180
5.1	Pengenalan	180
5.2	Latarbelakang Responden	180
5.3	Kecenderungan Penagihan Relaps – Emosi Negatif, Tekanan Sosial & Konflik Interpersonal	181
5.4	Pengaruh Faktor-Faktor Individu Terhadap Kecenderungan Penagihan Relaps	188
5.5	Pengaruh Faktor-Faktor Persekitaran Sosial Terhadap Kecenderungan Penagihan Relaps	196
5.6	Keberkesanan Program Pemulihan Dadah	211
5.7	Faktor-Faktor Utama Penyumbang Kepada Kecenderungan Penagihan Relaps	217
5.8	Ringkasan	229
6	RINGKASAN, IMPLIKASI & CADANGAN	231
6.1	Ringkasan	231
6.2	Implikasi Kajian	238
6.2.1	Implikasi Teoritikal	239
6.2.2	Implikasi Praktikal	240
6.3	Cadangan	244
6.3.1	Cadangan Kepada Pihak Kerajaan	244
6.3.2	Cadangan Kepada Pihak Kaunselor Dadah & Pusat Serenti	246
6.3.3	Cadangan Kepada Pihak Keluarga	248
6.3.4	Cadangan Kepada Pihak Majikan	248
6.3.5	Cadangan Kepada Kajian Akan Datang	250
6.4	Ringkasan	252
	RUJUKAN	254
	LAMPIRAN	271
	BIODATA PELAJAR	292



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Ringkasan instrumen kajian dan sumber pengukuran variabel bebas dan bersandar.	117
2	Kedudukan Zon Mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia.	119
3	Pemilihan Lokasi Kajian Melalui Persampelan Bertujuan Mengikut Zon	120
4	Kedudukan Penghuni di Pusat Serenti di Malaysia (Mulai 26 Disember 2005 - 31 Disember 2005)	123
5	Analisis Kebolehpercayaan Semasa Pra Uji Instrumen dan Kajian Sebenar	131
6	Ringkasan Proses Pengumpulan Data di Lapan Buah Pusat Serenti (n=400)	136
7	Jadual Pengumpulan Data di Lapan Buah Pusat Serenti Mengikut Zon	137
8	Profil Demografi Responden (n=400)	144
9	Pengalaman Penagihan dan Penggunaan Dadah	148
10	Pengalaman Penagihan dan Penggunaan Dadah	152
11	Tahap Faktor-Faktor Individu	154
12	Tahap Faktor-Faktor Persekitaran Sosial	156
13	Tahap Keberkesanan Program Pemulihan Dadah	160
14	Tahap Kecenderungan Penagihan Relaps	164



15	Hubungan Antara Faktor Individu, Persekitaran Sosial dan Program Pemulihan Dadah Dengan Kecenderungan Penagihan Relaps	168
16	Ringkasan Hasil Ujian Signifikan Terhadap Tujuh Hipotesis Nul Kajian	174
17	Keputusan Kajian - Faktor-Faktor Utama Mempengaruhi Kecenderungan Penagihan Relaps (n=400)	175
18	Ringkasan Objektif Kajian, Pembolehubah, Skala Pengukuran dan Analisis Data	234



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Model Tingkah Laku Kognitif Marlatt & Gordon (1985) Terhadap Proses Penagihan Relaps	67
2	Kerangka Kajian Menunjukkan Pengaruh Faktor-Faktor Individu, Persekitaran Sosial dan Keberkesanan Program Rawatan dan Pemulihan Dadah Dalam Kalangan Penagih Relaps	104
3	Rangka Persampelan Rawak Berstrata Mengikut Zon dan Pusat Serenti	125
4	Kerangka Menunjukkan Faktor Utama Penyumbang Kepada Penagihan Relaps	160
5	Penagihan Relaps – Emosi Negatif, Tekanan Sosial dan Konflik Interpersonal (n=400).	184
6	Faktor-Faktor Utama Penyumbang Kepada Kecenderunga Penagihan Relaps (n=400)	219



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- 1 Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Status Kes
- 2 Jumlah Penagih Yang Dikesan Mengikut Jantina
- 3 Jumlah Penagih Mengikut Umur Ketika Dikesan
- 4 Jumlah Penagih Mengikut Jenis Dadah Yang Diguna
- 5 Jumlah Penagih Mengikut Negeri
- 6 Surat Kelulusan Menjalankan Penyelidikan Dari Agensi AntiDadah Kebangsaan Malaysia
- 7 Borang Soal Selidik

SENARAI SINGKATAN

AADK Agensi AntiDadah Kebangsaan

PDRM Polis Diraja Malaysia



BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia mempunyai wawasan yang sangat jelas untuk menjadi sebuah negara maju berasaskan acuan sendiri menjelang tahun 2020. Dalam usaha menjadikan wawasan tersebut satu kenyataan, tidak dapat dinafikan bahawa pembangunan manusia merupakan teras kepada pencapaiannya. Rakyat Malaysia yang mempunyai kualiti yang tinggi serta dipenuhi dengan nilai dan kerohanian yang sejahtera adalah paksi kepada tegaknya wawasan tersebut. Namun begitu, cabaran sememangnya timbul dalam konteks kesejahteraan masyarakat apabila gejala penyalahgunaan dadah wujud secara meluas di negara ini (Khairul & Noraini, 2004).

Di Malaysia, penyalahgunaan dadah bukanlah satu persoalan baru. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada individu atau keluarga, malah turut menjadi satu masalah besar kepada negara (Syed Amin, 1995; Mahmood, 1999; Abdul Ghafar, 1992; Ruslina; 2004). Najis dadah dipercayai telah dibawa masuk ke negara ini secara berleluasa sejak awal abad ke 19. Masalah tersebut dilihat akan berterusan selagi pusat pengeluaran dadah dunia yang terletak di kawasan Tiga Segi Emas (Golden Triangle) masih mengeluarkan dadah. Kawasan ini merupakan sempadan bersama di antara negara-negara Thailand, Burma dan Laos serta mempunyai keluasan kira-kira

75000 batu persegi dan telah dikenal pasti menjadi kawasan tanaman candu yang terbesar di Asia dan di dunia (Abdul Ghafar, 1988). Di Malaysia, dadah telah diistiharkan sebagai musuh utama negara pada tahun 1983 dan sejak itu tindakan memerangi dadah dilakukan secara agresif dengan meluaskan skop kesedaran di pelbagai peringkat usia sehingga ke akar umbi. Pada masa yang sama masalah dadah menular dengan begitu pantas seiring dengan pembangunan sosial negara (Jamdi, 2005).

Walaupun jumlah penagih dadah yang dikesan setiap tahun meningkat dan menurun, namun tren keseluruhan menunjukkan bahawa bilangan penagih-penagih yang dikesan di negara ini terus meningkat (**Lampiran 1**). Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK), jumlah penagih dadah yang dikesan di Malaysia bagi tempoh 1988 hingga Mac 2006 adalah seramai 292,696 orang. Jumlah ini amat menggerunkan kerana ia bersamaan lebih satu peratus daripada jumlah penduduk negara. Data tahun 2005 menunjukkan seramai 32,141 orang (97.97%) daripada penagih yang dikesan adalah lelaki, manakala penagih wanita pula adalah seramai 667 orang (2.03%) (**Lampiran 2**). Sungguhpun bilangan penagih wanita adalah sedikit berbanding lelaki, tetapi sekiranya masalah ini tidak dikekang ia tetap akan memberi impak kepada masalah sosial yang lebih besar seperti keruntuhan moral, pelacuran dan kehancuran rumahtangga.

Sesungguhnya penagihan dadah tidak mengenal batas usia dan status sosial seseorang. Sepanjang tahun 2005, sebahagian besar penagih yang dikesan adalah golongan belia yang berumur antara 19-39 tahun iaitu 70.1%. Manakala selebihnya terdiri daripada golongan remaja (bawah 18 tahun) 4.25% dan dewasa (melebihi 40 tahun) 25.67%. Secara keseluruhannya, trend ini tidak berubah sejak dahulu lagi yang mana golongan belia mencatatkan kadar tertinggi berbanding golongan remaja dan dewasa (**Lampiran 3**). Keadaan ini menunjukkan betapa negara kerugian tenaga belia secara tidak produktif sedangkan generasi inilah hakikatnya merupakan tulang belakang dan harapan negara pada masa hadapan. Dari segi jenis dadah yang digunakan, statistik memperlihatkan dadah jenis heroin, morfin dan ganja merupakan dadah utama yang digunakan oleh kebanyakan penagih-penagih di Malaysia (**Lampiran 4**). Dadah jenis ini dianggap popular di kalangan penagih kerana ia mudah diperolehi dan lebih dikenali berbanding dengan dadah-dadah jenis lain (AADK, 2006).

Di Malaysia, kaum Melayu bukanlah merupakan etnik awal yang dikesan terlibat dengan penagihan dadah. Realitinya bangsa Melayu merupakan kumpulan terbesar terjerumus dalam gejala negatif ini. Statistik 2005 menunjukkan 68.11% penagih keturunan Melayu dikesan terlibat dalam penagihan dadah diikuti penduduk pribumi Sabah dan Sarawak, 25.48%, Cina, 3.27% dan India, 0.37% (Statistik, AADK, 2005). Manakala Pulau Pinang pula merupakan negeri yang mencatatkan jumlah penagih tertinggi di